# Kerja pemunggahan sisa toksik bermula

UM 8/6/06 (Khamis)

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

**YONG PENG** 7 Jun – Setelah empat bulan ditemui, baru kelmarin kerja-kerja memunggahkan sisa toksik aluminium di dua kawasan pembuangan haram dalam ladang kelapa sawit di Batu 9 3/4 Jalan Yong Peng - Labis dekat sini dilakukan.

Setiap tapak pembuangan berkeluasan 26 meter kali 23 meter bersebelahan ladang ayam itu terletak kira-kira satu kilometer dari jalan besar.

Menurut jurucakap Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, sehingga hari ini kira-kira 750 tan sisa toksik dipindahkan ke Pusat Pelupusan Sisa Toksik Bukit Nenas, Negeri Sembilan.

Beliau berkata, pada Isnin lalu, sebanyak 507 toksik dikeluarkan dari tapak pertama dan sebanyak 260 tan lagi dari tapak kedua pada hari ini.

"Esok, hari terakhir kira-kira 60 tan sisa toksik lagi dijangka dikeluarkan dari tapak kedua," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Kawasan itu dikesan dijadikan tapak pelupusan sisa toksik haram ekoran pembongkaran Kampung Sungai Gatom, Labis juga dijadikan tapak pelupusan, pada awal Januari lalu.

Bagaimanapun sisa toksik yang boleh mengeluarkan gas ammonia di kampung itu telah dipungah melibatkan kos sebanyak RM3.7 juta.

Jurucakap itu memberitahu, kerja-kerja pemunggahan dipantau oleh 10 kakitangan JAS bersama tujuh petugas syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd., bermula pukul 9 pagi hingga pukul 3 petang.

Menurutnya, sisa toksik itu dipunggah ke dalam lori yang dilapik plastik berkualiti tinggi sebelum bahagian atas pula ditutup dengan kanvas.

"Ini antara ciri-ciri keselamatan yang ditekankan supaya ia tidak bertaburan di jalan raya," ujarnya.

Jurucakap itu berkata, mereka akan memulakan kerja memunggah sisa toksik di satu lagi kawasan di situ iaitu di Batu 8 Jalan Haji Musa, Jalan Yong Peng - Labis Jumaat ini.

Keluasan kawasan terbabit ialah 33 meter kali 16 meter tetapi jurucakap itu tidak dapat memastikan kuantiti sisa toksik yang akan dikeluarkan.

"Kita tidak tahu jumlahnya tetapi kerja-kerja pemunggahan dijangka selesai dalam tempoh seminggu," katanya.



## Sisa toksik di Yong Peng terbiar

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

**Saya difahamkan JAS sudahpun melantik kontraktor untuk memindahkan sisa toksik tersebut**

HAMSAN SARINGAT
Pegawai Daerah
Batu Pahat

**KERATAN** akhbar *Utusan Malaysia* keluaran Isnin 5 Jun 2006.

**Sehingga hari ini kira-kira 750 tan sisa toksik dipindahkan ke Pusat Pelupusan Sisa Toksik Bukit Nenas, Negeri Sembilan**

JURUCAKAP JABATAN ALAM SEKITAR JOHOR



**KAKITANGAN** Jabatan Alam Sekitar dan Kualiti Alam Sdn. Bhd., memantau kerja-kerja memunggah sisa toksik di Batu 9 3/4, Jalan Yong Peng-Labis, Johor, semalam.